

22/05/1997

MSC: 14 usaha sama, MoU dimeterai

Karim Sulaiman in London

PROMOSI Koridor Raya Multimedia (MSC) di Eropah yang bermula Isnin lalu di London, membuahkan hasil menggalakkan apabila 14 perjanjian usaha sama dan Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani oleh syarikat Eropah dan Malaysia, sehingga kelmarin.

Dua MOU ditandatangani pada Isnin lalu di antara Kumpulan GEC Marconi dan Telekom Malaysia Bhd dan 12 lagi kelmarin.

Perjanjian itu adalah komitmen awal syarikat Eropah bukan saja untuk menjalin kerjasama dengan syarikat Malaysia, malah membabitkan diri secara aktif dalam pembangunan MSC.

Majlis menandatangani 12 perjanjian di hotel terkemuka di London, kelmarin, turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam rangka promosi MSC di Eropah.

Semalam, beliau mengadakan pertemuan dengan beberapa ketua eksekutif syarikat terkemuka teknologi maklumat (IT) Eropah untuk membincangkan antara lain penyertaan aktif mereka dalam MSC.

Dua belas perjanjian yang ditandatangani itu membabitkan bidang pendidikan, latihan, telekomunikasi dan projek infrastruktur.

Perjanjian pertama semalam ditandatangani di antara GBN Consulting Bhd and John Fripp & Associates untuk membangunkan program simulasi berasaskan komputer untuk Sekolah Pintar.

RQ Net Sdn Bhd pula menandatangani perjanjian dengan Universiti Central England bagi menyediakan latihan dalam multimedia.

Ini diikuti Kumpulan Utusan Melayu Bhd yang menandatangani perjanjian dengan New Media Press Ltd untuk mengeluarkan produk interaktif multimedia bagi Sekolah Pintar.

Dalam bidang telekesihatan, Team Vantage Sdn Bhd mengadakan kerjasama dengan Ziemens AG bagi membangun dan melaksanakan perkhidmatan telekesihatan dan teleradiologi untuk hospital di bawah Kementerian Kesihatan.

SCS Computer Systems Sdn Bhd pula menandatangani perjanjian bagi menyediakan perkhidmatan komputer untuk sektor komersil, industri dan bank dengan Sema Group Plc.

Lityan Holding Bhd dan Ascom AG mewujudkan kerjasama untuk pusat penyelidikan dan pembangunan.

Turut memeterai perjanjian ialah KUB Malaysia Bhd dan Krone AG; Abrar Group International Sdn Bhd dan Lagadere serta PNB Equity Resource, Federal Power Sdn Bhd dengan FibreCore Inc.

(END)